

COACH DHAARMA

SIAPA

DATANG,

KITA

LANGGAR!

Penulis

Muhammad Zuhaily Badlishah

Dicetak pada 2018 oleh

VISION BUSINESS SOLUTIONS SDN BHD (808927-A)

8trium, Menara 2, Level 6, M2-6-03,
Jalan Cempaka SD 12/5
Bandar Sri Damansara PJU 9,
52200 Kuala Lumpur

Hak Cipta Terpelihara ©Muhammad Dhaarma Raj Abdullah, 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam sebarang bentuk termasuk gambar, rakaman atau dengan menggunakan mana-mana kaedah elektronik dan mekanikal tanpa kebenaran penerbit, kecuali atas urusan di bawah Akta Hak Cipta 1987. Segala permintaan untuk menggunakan bahan-bahan termasuk penerbitan semula mestilah dimaklumkan kepada penerbit dahulu. Penghargaan penuh harus diberikan kepada penulis, penerbit dan harus dikreditkan.

Penulis berpegang kepada prinsip di bawah Akta Hak Cipta 1987, untuk dikenal pasti sebagai penulis kepada penerbitan ini.

Penafian

Penerbitan ini dijual mengikut terma dan pemahaman bahawa (1) penulis, konsultan dan editor tidak bertanggungjawab terhadap segala tindakan susulan berdasarkan maklumat dalam karya ini, atau sebarang kesilapan; dan (2) penerbit tidak terlibat dalam memberi khidmat perundangan, akauntan atau nasihat profesional atau perkhidmatan lain. Penerbit, penulis, konsultan dan editor menafikan semua dan sebarang liabiliti terhadap mana-mana pihak, sama ada melalui pembeli atau pembaca penerbitan ini, berhubung kesan-kesan yang terjadi kepada mana-mana pihak, sama ada secara sebahagian atau keseluruhan daripada kandungan penerbitan ini. Individu yang memiliki kepakaran akan dicari jika nasihat undang-undang dan bantuan pakar diperlukan.

ISBN 978-967-14854-2-2 (pb)

ISBN 978-967-14854-3-9 (hb)

Dicetak oleh

Sylog Print Systems Sdn. Bhd.
20, Block C, Lot 757, Jalan Subang, 3, Persiaran Subang, 47610,
Subang Jaya, Selangor, Malaysia

ISI KANDUNGAN

Bahagian 1	HARI INI KITA MESTI MENANG!	1
Bahagian 2	PERNAH DIKECAM!	6
Bahagian 3	DALAM PEMBUANGAN	9
Bahagian 4	DARIPADA BULLDOG KE SUKAN OLIMPIK	12
Bahagian 5	PILIH KARIER BARU	18
Bahagian 6	DICOP GAY!	20
Bahagian 7	SELESEMA BABI	23
Bahagian 8	PIALA SEA 2009 BATU LONCATAN	26
Bahagian 9	KEGAGALAN PERTAMA	30
Bahagian 10	400 PEMAIN	38
Bahagian 11	FLICK GUNA BATA	43
Bahagian 12	JUMPA DOKTOR GILA	45
Bahagian 13	TAK SABAR KE EROPAH	47
Bahagian 14	GEGAR EROPAH!	50
Bahagian 15	UMPAMA PEMINTA SEDEKAH	56
Bahagian 16	2x NAIB JUARA PIALA ASIA B18	62
Bahagian 17	11 JAM SESI VIDEO	65
Bahagian 18	PENGHINAAN BELANDA	67
Bahagian 19	JOHAN SOJC 2011	70
Bahagian 20	TERIMA KASIH SUMANTRI	77
Bahagian 21	DILEMA PILIH PEMAIN	80
Bahagian 22	LAYAK KE NEW DELHI	83
Bahagian 23	JUARA ASIA!	87
Bahagian 24	SUSAH DAHULU SENANG KEMUDIAN	91
Bahagian 25	2x DIUGUT!	94
Bahagian 26	ASYIK KALAH AJE...	98
Bahagian 27	MALAYSIA DI PETA DUNIA	101
Bahagian 28	TIADA PILIH KASIH	104
Bahagian 29	REKOD TANPA KALAH	109
Bahagian 30	EMPAT TERBAIK DUNIA	114
Bahagian 31	ELEMEN KEJAYAAN	121

MAKLUMAT PENULIS

Pemuda berasal dari Langgar di Alor Setar, Kedah ini sudah ‘jatuh cinta’ secara mendalam kepada sukan hoki. Tidak pernah bermain secara profesional, paling hebat pun cuma mewakili daerah Kota Star ketika Tingkatan Empat. Nama yang diberikan Muhammad Zuhaily Badlishah. Dilahirkan pada tanggal 16 September 1989. Mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Korporat di Universiti Selangor. Boleh dikatakan peminat tegar dunia hoki tanah air. Peminat setia Kedah dan Arsenal.

Kini meneruskan karier sebagai wartawan sukan bersama akhbar Kosmo!

**‘ TO BE
THE BEST IN
THE WORLD,
YOU HAVE TO
PLAY IN THE
OLYMPICS AND
WORLD CUP ’**

PENGHARGAAN

K enapa buku ini ditulis?

Kejayaan Skuad Projek 2013 sangat luar biasa. Bukan mudah untuk meraih tempat keempat di Piala Dunia Remaja. Saya amat berharap agar ada pasukan lain mengulangi pencapaian ini atau lebih bagus lain pada masa akan datang.

Selepas tamat Piala Dunia Remaja 2013, Presiden Konfederasi Hoki Malaysia ketika itu, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah ada memberitahu saya supaya dokumen kejayaan ini untuk masa depan. Namun, saya tidak berkesempatan untuk melakukannya.

Apabila adik saya, Vijayaraj memberi inspirasi agar kisah dan perjalanan Skuad Projek 2013 didokumenkan, saya mengambil keputusan untuk melakukannya agar buku ini dapat direalisasikan. Banyak yang saya fikir kerana saya mahu seluruh negara tahu bagaimana permulaan dan pengakhiran kisah saya bersama Skuad Projek 2013.

Saya mahu semua tahu, banyak yang saya tak setuju semasa zaman saya sebagai pemain. Saya menamatkan semua sesi long run dengan 'condition game' yang pendek dan intensiti tinggi walaupun tradisi negara kita banyak melakukan fitness tanpa kayu.

Saya yang memulakan bermain mengikut jadual untuk perlawanan (penggiliran pemain). Bukan lagi menunggu waktu sesuai untuk melakukan pertukaran. Bermain secara bergilir-gilir dengan kepantasan adalah karakter utama permainan.


Kepakaran menggunakan video bagi memperbaiki teknik dan taktikal untuk latihan. Fokus terhadap resistant sprint, hill sprint dan tumpuan lebih terarah kepada sesi gimnasium. Memanggil jurulatih pakar untuk mengajar drag flick bagi PC attack serta PC defense dengan jurulatih penjaga gol.

Ramai yang saya lahirkan menjadi pakar pukulan sudut penalti dan pakar pertahanan. Dari serangan seperti stopper, pusher dan flicker, manakala pertahanan pula ialah first runner, postman dan penjaga gol. Saya lebih banyak memberikan fokus kepada permainan dengan mengutamakan kebijaksanaan bermain dari aspek-aspek lain.

SIAPA DATANG, KITA LANGGAR!

Ramai insan yang banyak membantu perjalanan saya dari dahulu hingga kejayaan ini tercipta. Individu paling bertanggungjawab 'melahirkan saya' ialah George Koshy. Selepas bersara ketika saya berumur 30 tahun, George melantik saya membawa pasukan MHL buat kali pertama. Tanpa George, mungkin saya tidak akan meraih pelbagai pencapaian sekarang. Buat isteri tercinta, Norsuhaida Mohamad Shaiyuddin. Tulang belakang saya. Pengorbanannya dan kebenarannya membenarkan saya menghabiskan banyak masa di padang hoki ialah perkara paling utama dalam perjalanan karier saya.

Penghargaan saya yang seterusnya ditujukan kepada Datuk Seri Subahan Kamal, Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC). Beliau memberikan peluang untuk saya kembali semula dalam barisan kejurulatihan. Saya juga berterima kasih kepada Profesor Dr. Shamala Subramaniam iaitu Timbalan Presiden MHC serta Pengarah Teknikal MHC, Terry Walsh yang dahulunya jurulatih saya semasa zaman pemain dahulu.



Tidak lupa juga kepada individu-individu penting seperti Datuk Dr. Ramlan Abdul Aziz, Datuk Seri Zolkples Embong, Ariffin Mohd. Ghani, Jefri Ngadirin dan Allahyarham Mohd. Nor Izuwan Mohd. Ariffin.

Saya masih ingat lagi peristiwa Allahyarham Izuwan yang famous dengan nama Black. Dia adalah pegawai pertama MSN bersama Skuad Projek 2013. Ketika saya dipanggil ke MSN, dia memberitahu saya perlu mencapai top 4 Piala Remaja Asia 2012 untuk layak ke Piala Dunia Remaja 2013. Saya beritahu, saya tidak mahu top 4, saya akan jadi juara.

Sewaktu Skuad Projek 2013 muncul juara, dia masih ingat lagi janji saya. Sekiranya dia masih ada sekarang, tentunya dia akan sentiasa berada di samping saya dan memberikan sokongan penuh kepada saya.

Barisan kejurulatihan yang sentiasa bersama dengan saya iaitu pengurus, Datuk Mirnawan Nawawi; penolong jurulatih, Iman Gobinathan dan Nor Azlan Bakar; video

taktikal Lim Chiow Chuan; jurulatih penjaga gol M. Nadarajah; biomekanik; Dr. Saju Joseph dan pakar drag flick, Len Aiyappa serta semua staf-staf sokongan sepanjang bersama Skuad Projek 2013.

Saya juga sama sekali tidak akan melupakan peminat No. 1 saya dari Singapura, Teng Kwang Siang. Walaupun berlainan negara tetapi ia tidak menghalang dia untuk memberi sokongan padu kepada saya. Boleh dikatakan dia akan hadir memberi sokongan kepada Skuad Projek 2013 sejak pasukan ini ditubuhkan hingga ke Piala Dunia Remaja 2013.

Akhir sekali, buku ini didekasikan kepada mendiang ayah saya, R. Kanniah dan keluarga saya, Norsuhaida serta tiga puteri saya, Dharnisha Nur Amelda, Dharnieya Nur Amelsa dan Dharfiesa Nur Amelya. Ia juga ditujukan kepada semua pencinta hoki tanah air agar sukan ini terus memartabatkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

Semoga generasi hoki akan datang boleh menjadikan naskhah ini sebagai motivasi dan panduan dalam perkembangan karier mereka. Saya berharap impian saya muncul individu Malaysia pertama menjadi jurulatih di tiga pentas Piala Dunia - remaja, lelaki dan wanita - mampu direalisasikan satu hari nanti.

Akhir kata, terima kasih juga saya ucapkan kepada sahabat lama saya, Tan Ghee Wah yang telah memberikan sokongan dan sumbangan bagi menjayakan project ini

MUHAMMAD

DHAARMA RAJ

ABDULLAH

Bekas Ketua Jurulatih Skuad Projek 2013

Bekas Ketua Jurulatih Skuad Hoki Senior Lelaki Negara

Ketua Jurulatih Skuad Hoki Senior Wanita Negara



Saya sudah mengenali Dhaarma cukup lama. Kami telah membentuk ikatan persahabatan yang kuat dan saling menghormati antara satu sama lain. Banyak kejayaan dicapainya. Kemuncak kejayaannya diringkaskan dalam bentuk perjalanan bersama Skuad Projek 2013 yang dicoretkan dalam buku ini.

Beliau bersama Skuad Projek 2013 berjaya menempuhi pelbagai rintangan untuk bergelar juara Asia sebelum menamatkan Piala Dunia Remaja pada kedudukan keempat. Malaysia amat berbangga dengan pencapaian ini.

Kejayaannya tidak diraih dengan mudah. Beliau terpaksa bekerja keras dengan sejumlah besar bilangan pemain-pemain muda berserta sokongan padu daripada barisan kejurutahiran yang dipercayainya. Eksperimen demi eksperimen dalam mengenal pasti pemain yang tepat agar dapat mencipta impak terbaik di pentas tertinggi dunia.

SKUAD PROJEK 2013 BERJAYA MELAKUKANNYA.

Antara faktor kejayaan beliau ialah keinginan yang tinggi untuk berjaya, ‘kegilaan’ terhadap sukan hoki dan kesediaannya berfikir di luar kotak. Beliau juga bukan sahaja menjalinkan hubungan yang baik bersama pemain-pemain tetapi dengan ahli keluarga mereka. Faktor paling utama mencorakkan kejayaan ini adalah sikap Dhaarma sendiri yang nekad untuk melihat sukan hoki berjaya.

Pelbagai konflik dan kontroversi terpalit sepanjang perjalanan mereka. Namun, tiada yang buruk berlaku kerana beliau cuma mahu kejayaan. Beliau adalah inspirasi kepada bakat-bakat muda dan sentiasa memberi galakan positif kepada mereka.

Skuad Projek 2013 merupakan perjalanan pertama Dhaarma di pentas antarabangsa. Saya percaya pada masa depan beliau akan berkongsi lebih banyak kejayaan dalam karier kejurulatihannya.

Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Dhaarma dan berharap persahabatan erat ini tidak terputus. Saya akan terus memberikan sokongan kepadanya dan melihat beliau meraih pencapaian lebih gemilang.

Selamat maju jaya Dhaarma!

George Koshy

Pemilik Kelab Hoki Kuala Lumpur

Timbalan Presiden Konfederasi Hoki Malaysia



Bismillahirrahmannirrahim...

Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Illahi kerana diberi peluang untuk mencoretkan sepetah dua kata di dalam buku biografi saudara Muhammad Dhaarma Raj Abdullah.

Sepanjang mengenali beliau, sebagai sahabat semenjak kecil, rakan sekampung, rakan sepasukan dan rakan sekerja, saudara Dhaarma telah menunjukkan kemajuan dan kecemerlangan dalam menempuh kehidupan sebagai seorang pemain hoki negara sehinggalah menjadi seorang jurulatih yang amat disegani.

Kejayaan beliau membawa pasukan hoki remaja negara menjadi juara Asia buat julung kalinya pada 2012 mencipta sejarah tersendiri. Diikuti pula kejayaan beliau meraih tempat ke-4 pada Piala Dunia Remaja 2013 di India, mencatat sejarah baharu sukan hoki negara sekali gus membuka mata semua pihak dan peminat hoki tanah air tentang figura hebat ini.

Saudara Dhaarma adalah contoh pencinta sukan hoki yang telah mendedikasikan hidupnya untuk sukan ini. Dahulu sebagai pemain negara dan kini sebagai jurulatih yang tidak pernah kenal erti penat dan putus asa, merempuh segala ranjau dan duri serta pahit dan manis dengan penuh ketabahan.

Berkat kesabaran, rasa cinta yang mendalam dan komitmen yang tinggi terhadap sukan hoki maka lahirlah “Coach Dhaarma” yang telah berjaya membawa banyak kejayaan dan berterusan mencipta sejarah.

Buku biografi ini seharusnya dimiliki oleh pencinta sukan hoki negara. Saya yakin ia dapat menjadi sumber inspirasi kepada mereka yang terlibat secara langsung dengan sukan hoki yang amat kita sayangi. Buat pemain muda mahupun pemain senior, minat dan bakat tidak seharusnya terhenti di saat kita tidak lagi bergelar pemain negara.

Buku ini juga sebagai pemangkin semangat buat semua jurulatih hoki pelbagai peringkat di luar sana untuk terus berusaha dan berjuang mencapai kecemerlangan. Semoga dengan kelahiran buku ini juga maka akan terlahirnya lebih ramai “Coach Dhaarma” yang bakal mendidik dan membimbing pemain-pemain muda hingga ke persada antarabangsa.

SEMOGA MALAYSIA AKAN TERUS DIGERUNI DI MATA DUNIA.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada saudara Muhammad Dhaarma Raj Abdullah. Semoga beliau terus sukses dalam kehidupan dan sentiasa di dalam keberkatanNya.

Penghormatan yang diberikan kepada saya untuk coretan ringkas ini sungguh bermakna dan amat saya hargai.

SYABAS COACH DHAARMA...
SIAPA DATANG KITA LANGGAR!
Malaysia Boleh!!!

Ariffin Mohd. Ghani
Pengarah Cawangan Elit
Majlis Sukan Negara